

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, October 3, 2018 1:14 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mahasiswa Dapat Pengetahuan Baru Tentang IR 4.0



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

03 OKTOBER 2018 / 23 MUHARAM 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

MAHASISWA DAPAT PENGETAHUAN BARU TENTANG IR 4.0



UUM ONLINE: Dalam menghadapi era Revolusi Industri Keempat (IR4.0) yang menjanjikan pelbagai kelebihan dan peluang, kita perlu sedar bahawa cabaran yang datang bersekali dengan peluang tersebut.

Mengulas lanjut tentang *Riding With Industry Revolution 4.0 Wave*, Presiden, *Malaysian Industry- Government Group For High Technology* (Might), Dato' Dr Mohd Yusoff Sulaiman berkongsi pengalaman di DKG 1/1, semalam.

Katanya, IR4.0 terdiri daripada pelbagai kemajuan teknologi seperti mendapatkan maklumat di seluruh dunia dengan mudah dan cepat hanya di hujung jari.

"Ia juga terdiri daripada sistem robotik yang semakin canggih misalnya perbezaan telefon pintar atau iPhone dahulu dengan iPhone terbaru yang sangat canggih dan membantu memudahkan kerja.

"Perkembangan teknologi yang amat pesat pada hari ini telah menunjukkan kebaikan dan kekurangan yang terdapat dunia teknologi bergantung bagaimana cara kita menggunakannya agar tidak berlaku perkara yang tidak diingini," ucapnya dalam program anjuran Kelab LOGTRANS, Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML).

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Logistik dan Pengangkutan), Nurfarah Akila Mohd Rahim berkata, program ini dapat memberi pengetahuan baru tentang IR 4.0 dan maklumat semasa yang bermanfaat kepada pelajar.

"Apa yang menarik tentang ceramah ini banyak menceritakan tentang perkembangan IR4.0 yang semakin meluas selain mengetahui sedikit sebanyak tentang teknologi yang digunakan pada masa kini dan isu semasa yang berlaku.

"Sambutan yang diberikan sangat memberangsangkan malah ramai peserta yang memberi kerjasama yang baik dan komen positif apabila diajukan soalan," tambahnya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.